



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 36/2019**

**PEMAKAIAN KAD STAF / KAD PELAJAR DAN TANDA NAMA DALAM KAWASAN KAMPUS UMK**

1. Adalah dimaklumkan bahawa semua pegawai , staf dan pelajar diwajibkan memakai kad staf/ kad pelajar dan tanda nama 'name tag' setiap masa apabila berada dalam kawasan kampus UMK dan kawasan kolej kediaman pelajar di ketiga-tiga kampus UMK. Maksud "memakai" ialah dengan menyematkan kad dan tanda nama tersebut pada baju atau mempamerkan dengan cara yang boleh menyebabkan kad dan tanda nama tersebut dapat dilihat dengan jelas.
2. Peraturan di atas dikuatkuasakan sebagai langkah mengelakkan berlakunya insiden-insiden yang tidak diinginkan. Mereka yang tidak mematuhi akan dihalang daripada memasuki kawasan kampus dan kolej kediaman pelajar di ketiga-tiga kampus UMK atau diambil tindakan mengikut peraturan Universiti.
3. Sebarang urusan berkaitan kad staf/ pelajar UMK boleh menghubungi Bahagian Pembangunan Organisasi, Pejabat Pendaftar, UMK Bachok.
4. Segala sokongan yang diberikan amatlah diharapkan demi kecemerlangan Universiti.

Sekian, terima kasih.

**"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUFAKAT, NEGERI BERKAT"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**MAZULA BINTI SABUDIN**

Pendaftar

26 DISEMBER 2019

- s.k
- Naib Canselor
  - Timbalan-Timbalan Naib Canselor
  - Semua Ketua Pusat Tanggungjawab
  - Fail Edaran